


## LBS GOTONG-ROYONG BERSAMA PENGHUNI BSP

Dates: 24 Jun, 2014



For Immediate Release

## LBS GOTONG-ROYONG BERSAMA PENGHUNI BSP

**Petaling Jaya, 23 Jun 2014** – Bagi mempromosikan kehidupan komuniti yang seimbang, pemaju hartanah LBS Bina Group Berhad (LBS) telah mengadakan aktiviti Jom Gotong-Royong! di Bandar Saujana Putra. Para penghuni yang terdiri dari pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat turut menyertai aktiviti ini.



Jom Gotong-Royong! Para penghuni dan staf LBS turun padang membersihkan Bandar Saujana Putra.



Pengarah Eksekutif LBS Bina Group Berhad, Cynthia Lim mengagihkan minuman isotonic kepada para penghuni Bandar Saujana Putra semasa Jom Gotong-Royong!

Seiring dengan slogan LBS “Living the Life with BSP”, aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti tahunan yang diadakan oleh LBS. Pengarah Urusannya, Dato’ Sri Lim Hock San berkata, “LBS amat gigih dalam membentuk sebuah komuniti. Oleh itu, kita meluangkan masa dan usaha untuk menyertai dan mengadakan pelbagai aktiviti untuk menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR). Aktiviti ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan para penghuni malah menanam perasaan bangga para penghuni terhadap kawasan kejuruan mereka.

Di samping itu, LBS juga bangga dengan tajaan daripada tiga buah bank yang menyokong aktiviti ini iaitu Kuwait Finance House, Maybank dan OCBC. Sebuah lori juga diaturkan untuk mengelilingi 6 zon yang berbeza bersama dengan Pengarah Eksekutif LBS, Cynthia Lim untuk mengagihkan minuman isotonic kepada para penghuni dan staf LBS yang menjalankan gotong-royong di bawah cuaca yang panas.

“Saya berasa amat gembira kerana aktiviti ini mendapat sambutan yang mengalakkan daripada para penghuni Bandar Saujana Putra yang sudi turun padang untuk membersihkan keseluruhan kawasan ini. Aktiviti Jom Gotong-Royong! ini juga dapat menyediakan sebuah kawasan kediaman yang bersih untuk menyambut bulan Ramadhan. Kita berharap komuniti BSP dapat mengambil inisiatif untuk mengekalkan kebersihan perbandaran pada masa akan datang”, tambah Dato’ Sri Lim.



Penghuni Bandar Saujana Putra bersemangat membersihkan kawasan perumahan mereka.



(dari kiri) Pengarah Eksekutif LBS, Cynthia Lim bersama pemenang pertandingan fotografi “We are Wefie Champion”.

Selain daripada mengadakan aktiviti gotong-royong, LBS juga mengadakan pertandingan fotografi. “We are Wefie Champion” yang menyumbang hadiah wang tunai sebanyak RM500 kepada zon 6 bagi gambar paling kreatif yang dapat memaparkan semangat gotong-royong manakala zon 3 pula memenangi hadiah sugu hati yang mendapat hadiah wang tunai sebanyak RM100.

